



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1990

PINDAAN ELAUN KHAS KHIDMAT POLIS BAGI PEGAWAI DAN
ANGGOTA POLIS BERPANGKAT PENGUASA POLIS SEHINGGA
KONSTABEL DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN
1980

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan meminda kadar Elaun Khas Khidmat Polis bagi Pegawai dan Anggota Polis berpangkat Penguasa Polis sehingga Konstabel sebagaimana yang diperuntukkan di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980](#).

2. KADAR BARU

2.1 Kerajaan telah bersetuju meminda kadar Elaun Khas Khidmat Polis bagi Pegawai dan Anggota Polis berpangkat Penguasa Polis sehingga Konstabel seperti berikut:

Pangkat	Kadar Sekarang Sebulan	Kadar Baru Sebulan
Penguasa Polis	\$250.00	\$300.00
.. ..		
Timbalan Penguasa Polis/Penolong Penguasa Polis	\$125.00	\$170.00
Ketua Inspektor/Inspektor	\$ 75.00	\$115.00
.. ..		
Sab-Inspektor/Sarjan Mejar/Sarjan	\$ 45.00	\$ 80.00
.. ..		
Kopral/Lans Kopral/Konstabel	\$ 35.00	\$ 65.00
..		

3. PERATURAN PEMBAYARAN

3.1 Elaun Khas Khidmat Polis boleh dibayar apabila seseorang Pegawai/Anggota Polis bercuti bergaji penuh. Jika Pegawai/Anggota Polis bercuti separuh gaji, elaun yang layak dibayar adalah separuh daripada kadar elaun yang dilayakinya.

Pegawai/Anggota Polis yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibayar separuh atau sebahagian daripada gajinya, adalah juga layak dibayar

separuh atau sebahagian daripada kadar Elaun Khas Khidmat Polis yang dilayakinya mengikut nisbah yang sama dalam pengiraan gajinya. Walau bagaimanapun, elaun ini tidak boleh dibayar bagi tempoh pegawai bercuti tanpa gaji, dikenakan hukuman oleh Pihak Berkuasa Tatatertib supaya dilucut hak gajinya, digantung kerja ataupun dibuang kerja.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Tarikh kuatkuasa kadar baru Elaun Khas Khidmat Polis di atas adalah mulai 1 Januari 1990.

5. PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka perenggan 17 dan 18, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980](#) adalah dibatalkan.

6. AM

6.1 Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di dalam Pekeliling ini. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta dari Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, consisting of two distinct, stylized characters followed by a horizontal line and a small flourish.

(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA,

KUALA LUMPUR

26 Februari 1990